

20/04/2003

Percanggahan pendapat bukan bermakna tidak boleh bersatu

Tan Sri Abdullah Ahmad; Manja Ismail; Kadir Dikoh; Nuraina Samad; PENCEROBOHAN Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq, sebuah negara Islam, mengubah senario politik Islam termasuk di negara bukan Arab. Malaysia tidak terkecuali. Pas, yang mendakwa memperjuangkan Islam dan sentiasa memusuhi Umno, kelihatan bersatu dalam menyatakan pendirian mengenai Iraq.

Apakah perubahan itu satu permulaan kepada pendekatan Pas yang lebih terbuka ketika dunia Islam dicurigai oleh Barat sekarang? Bagi mencari jawapannya, Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), TAN SRI ABDULLAH AHMAD, dibantu Ketua Pengarang Berita BH/BM, MANJA ISMAIL dan wartawan BH/BM, KADIR DIKOH, Pengarang Meja Politik NST, NURAINA SAMAD dan Penolong Pengarang Rencana NST, SHAREEM AMRY, menemui Pemangku Presiden Pas, DATUK SERI ABDUL HADI AWANG di Pejabat Menteri Besar Terengganu, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Rabu lalu.

Hadi, yang berjubah kelabu dan baru selesai mempengerusikan mesyuarat exco, muncul pada jam 2.30 petang dalam bilik tetamu bersebelahan pejabatnya untuk diwawancara.

Sebelum pertemuan itu, Penasihat Urusetia Penerangan kerajaan negeri Terengganu, Subky Latiff memberitahu bahawa Hadi kurang sihat setelah kembali dari London sehari sebelum itu. Malah, katanya, Menteri Besar hanya mahu ditemu ramah antara 15 hingga 20 minit kerana demam, dan disambung oleh Naib Presiden Pas yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali.

Bagaimanapun temu ramah itu berlanjutan selama sejam dan Abdul Hadi menjawab pelbagai soalan termasuk pandangannya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, harapannya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kebangkitan semula Umno Terengganu dan peluang Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Selain Mustafa, Subky dan beberapa pegawai Menteri Besar yang hadir, temu ramah itu juga dirakam sepenuhnya oleh dua kamera video. `Sebagai rekod kami...', jelas Subky. Berikut adalah sedutan temu bual kira-kira